

# Penamaan calon PMPP sesi 2018/2019

► Seramai 36 bertanding di UMS KK, 12 UMSKAL, 7 UMS Kampus Lestari Sandakan

UB 19.10.2018 B3.



Dari Kampus

JABATAN Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan hari penamaan calon sempena Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) bagi sesi 2018/2019 pada 10 Oktober bertempat di Bilik Seminar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.

Tarikh pembuangan undi diadakan pada 17 Oktober di mana tempat pembuangan undi dibahagikan kepada dua iaitu Dewan Kuliah Pusat Ke-2 bagi semua pelajar Pelajar Pusat Pengajian Pascasiswazah, Fakulti Kejuruteraan (FKJ), Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Komputeran Informatik (FKI-Kota Kinabalu).

Tempat pembuangan undi di MegaLab Perpustakaan semua pelajar Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Fakulti Pendidikan dan Psikologi (FPP) serta Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan (FPEP).

Tarikh pembuangan undi juga serentak diadakan bagi UMS Kampus Antarabangsa Labuan untuk semua pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Fakulti Komputeran Informatik (FKI-Labuan) dan UMS Kampus Lestari Sandakan bagi semua pelajar Fakulti Pertanian Lestari (FPL).



NORHANIEYATI menerangkan kepada pelajar mengenai perkara penamaan calon diperhatikan Ahmad Nurdin.

PMPP kali ini menampilkan 17 calon umum, tiga calon FSSA, tiga calon FKSW dan tiga calon FSMP yang bakal bertanding, manakala sembilan calon fakulti lain termasuk satu calon pascasiswazah menang tanpa bertanding bagi UMS Kampus Kota Kinabalu.

Bagi UMS Kampus Antarabangsa Labuan, lima calon umum, lima calon FKAL dan dua calon FKI bakal bertanding, manakala UMS Kampus Lestari Sandakan tiga calon umum dan empat calon FPL bertanding.

Sebanyak 32 kerusi dipertandingkan pada pemilihan kali ini iaitu tujuh kerusi umum Kampus Induk, Kota Kinabalu, dua kerusi umum UMS Kampus Antarabangsa Labuan, satu kerusi umum Kampus Lestari Sandakan dan 22 kerusi fakulti dipertandingkan di UMS.

Pengumuman keputusan calon pemenang PMPP bagi sesi 2018/2019 itu dibuat



SESI pendaftaran calon-calon untuk PMPP mendaftar dalam proses penamaan calon.

sebaik sahaja selesai waktu pembuangan undi pada hari berkenaan.

Cara pengundian kali sama seperti tahun sebelumnya iaitu dibuat menggunakan sistem E-Undi (E-Voting) bagi memudahkan proses pengiraan undi yang disediakan oleh pihak Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK) UMS.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar &

Alumni) UMS iaitu Prof Dr Ismail Ali berkata PMPP bagi sesi berkenaan, calon-calon diberi kebebasan untuk berkempen namun mengikut jadual tempat berkempen yang disediakan kepada calon-calon yang bertanding.

Beliau mengharapkan agar PMPP kali ini lebih ramai mahasiswa mahasiswa turun mengundi dan menggunakan hak mereka sebagai pemilih yang berdaftar di UMS.